NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#06

2 Feb 2024 – 8 Feb 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

ISI KANDUNGAN

Utamakan Warisan Bertunjangkan Pribumi 2

Bila MARDI Benar-benar Jadi Sayap Kerajaan? 4

Rakhine Kembali Bergolak 6

Perkasakan Syarikat, Bukannya Tutup 8

Selepas Vape, Kini Giliran Energy Stick 10

Pengambilan Graduan Asing Bekerja 12

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Utamakan Warisan Bertunjangkan Pribumi

- Usaha Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mencalonkan **Kampung Baru Cina** di Selangor sebagai Tapak Warisan Dunia Pertubuhan UNESCO mendapat reaksi daripada pelbagai pihak.
- Menteri KPKT memberi alasan bahawa ia wajar atas dasar sejak tahun 1948 Kampung Baru Cina telah wujud. Pengiktirafan ini juga membolehkan kampung baru diangkat sebagai warisan kebudayaan Malaysia.
- Secara asasnya, pengiktirafan ini memberi **keuntungan** langsung dan tidak langsung kepada pihak yang diiktiraf. Penempatan yang diiktiraf akan dipelihara dan dilindungi di bawah Konvensyen Perlindungan Warisan Budaya dan Semula Jadi Dunia 1972.
- Dana ***World Heritage Fund*** bagi tujuan penyelenggaraan boleh digunakan selain turut mendapat promosi secara percuma daripada UNESCO. Oleh itu, pengiktirafan ini akan menambah **pendapatan negara** melalui sektor pelancongan.
- Namun, kelebihan ini tidak boleh menafikan hakikat bahawa ia akan menukar **sejarah Malaysia** serta menafikan status pribumi Melayu negara ini. Menurut Profesor Sejarah Sosial dan Intelektual, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa (ISTAC-IIUM), Profesor Datuk Dr Ahmad Murad Merican Orang Melayu adalah 'the definitive people of Malaysia'. Ia diiktiraf sehingga semua orang (pemimpin) luar akan berjumpa dan berhubung dengan raja serta institusi Melayu apabila datang ke Semenanjung Malaysia.
- Terdapat juga pihak yang menentang pencalonan ini berdasarkan realiti bahawa langkah ini adalah merupakan suatu **agenda politik** yang berselindung di sebalik warisan. Hal ini kerana terdapat lebih 500 warisan sejarah yang

mempunyai identiti penduduk asal dibiarkan begitu sahaja tanpa usaha serius pemuliharaan dan pemeliharaan.

- Pihak yang mempertikaikan pencalonan ini berpendapat bahawa adalah wajar kampung seperti Kampung Baru di Kuala Lumpur dan juga kampung-kampung Melayu lama yang berusia lebih daripada 300 diusahakan untuk mendapat pengiktirafan berbanding kampung baru cina yang baru berusia 76 tahun. Sepatutnya tapak yang bertunjangkan kepada kepribumian orang, masyarakat atau artifak yang perlu diutamakan.
- Walau bagaimanapun, YAB Menteri Besar Selangor cuba mententeramkan keresahan orang ramai apabila menyatakan bahawa semua pencalonan ini akan turut dinilai dan ditambah baik. Beliau menegaskan untuk melihat beberapa faktor. Beliau juga memberi keyakinan bahawa jika ada kampung yang sudah berusia ratusan tahun termasuk juga kawasan kampung-kampung Melayu, ia akan turut diwartakan.
- Namun, ia tidak cukup kuat untuk meyakinkan kegusaran ini berdasarkan kepada realitinya. Sepatutnya utamakan warisan dan sejarah setempat serta melangkaui kehendak dan kepentingan satu pihak sahaja.

RUJUKAN

- https://fokus.my/nga-kor-ming-cadang-angkat-kampung-baru-cina-sebagai-tapak-warisan-unesco-usaha-jadikan-kampung-baru-cina-warisan-kebudayaan-negara-dan-kekalkan-legasinya/
- https://themerdekatimes.com/news/2024/02/usaha-iktiraf-kampung-baru-cina-di-unesco-tindakan-padam-sejarah-orang-melayu/
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-wajar-jadikan-cadangan-kampung-baru-cina-tapak-unesco-isu-perkauman-mb-selangor-457092?

Bila MARDI Benar-benar Jadi Sayap Kerajaan?

- Peranan **Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia** (MARDI) amat kritikal dalam meningkatkan tahap kepercayaan rakyat terhadap sektor pertanian negara yang semakin terjejas dengan kesan perubahan iklim.
- Pelbagai kajian dan inovasi telah dikeluarkan oleh MARDI untuk meningkatkan hasil tanaman dan tahap keselamatan makanan negara. Namun bukan sedikit inovasi negara yang **tidak dimanfaatkan** kerana gagal dikomersialkan kepada petani tempatan. Jika keadaan ini dibiarkan, cita-cita melihat pertumbuhan signifikan pertanian negara menjadi angan-angan Mat Jenin.
- Sehingga kini, negara masih terus mengimport semua jenis bawang akibat kegagalan pihak penyelidik tempatan dalam menghasilkan **teknologi penanaman bawang**. Majoriti petani setakat ini hanya menumpukan penanaman daun bawang dan kucai sahaja.
- Berikutan **sekatan eksport bawang** oleh India akibat banjir pada 14 September 2020 lalu, Malaysia berhadapan dengan krisis bekalan bawang dan kenaikan harga bawang sehingga tiga kali ganda kerana kita bergantung kepada import bawang dari India sebanyak 36 peratus. Terkini, pada 8 Disember 2023, India sekali lagi telah melarang eksport bawang sehingga Mac ini bagi meningkatkan bekalan domestik. Keadaan ini mengakibatkan harga jualan bawang dalam negara meningkat dengan mendadak sehingga 105 peratus!
- Sebenarnya, terdapat usaha menanam **bawang di Mersing** sekitar tahun 1995 lagi tetapi dilihat tidak berterusan dan ekonomik. Antara faktornya adalah kos benih bagi bawang segar yang mahal. Selain itu, kejadian serangan penyakit pucuk putih mudah berlaku pada setiap umur penanaman dan sukar dikawal. Kos buruh agak tinggi untuk kerja-kerja kawalan rumpai kerana racun rumpai tidak boleh digunakan kerana bawang amat sensitif. Harga jualan ladang juga tidak menguntungkan.

- Di sinilah peranan MARDI untuk menghasilkan inovasi teknologi yang benar-benar boleh digunakan oleh pengusaha tani. Ini amat penting kerana sehingga kini penggunaan penyelidikan MARDI dilihat masih belum dioptimumkan, bahkan dalam banyak keadaan, negara jiran lebih laju berinovasi selepas belajar daripada Malaysia.
- Justeru, MARDI perlu ditempatkan pada kedudukan yang selayaknya sebagai sayap kerajaan sehingga imej sektor pertanian negara dapat ditingkatkan. Aktiviti penyelidikan pertanian negara perlu dipertingkatkan melalui penyaluran peruntukan yang besar sehingga dapat menghasilkan inovasi yang benar-benar dapat dimanfaatkan oleh pengusaha tani, lebih-lebih lagi bagi menghadapi kesan perubahan iklim yang tidak menentu. Dalam masa yang sama, pengkomersialan hasil kajian perlu diperluaskan. Sekiranya usaha ini berjaya, aspirasi meremajakan pertanian dengan menarik lebih ramai graduan muda untuk terjun ke dalam sektor pertanian dapat direalisasikan.

RUJUKAN

- https://animhosnan.blogspot.com/2020/12/tanaman-bawang-merah-dikaji-semula.html
- https://www.kpdn.gov.my/ms/media-kpdnhep/berita-kpdn/berita-terkini/2020-berita-terkini/807-penjelasan-situasi-bekalan-bawang-dalam-negara

Rakhine Kembali Bergolak

- **Wilayah utara Myanmar** yang bersempadan dengan Bangladesh dan India di Negeri Rakhine kini berdepan ancaman serius apabila diserang secara besar-besaran oleh kumpulan pejuang tempatan.
- Pasukan pejuang yang dikenali **'Persekutuan Tiga Persaudaraan'** membabitkan tiga kumpulan berpengalaman pertempuran yang luas iaitu Tentera Perikatan Demokratik Kebangsaan Myanmar (MNDAA), Tentera Pembebasan Kebangsaan Ta'ang (TNLA) dan Tentera Arakan (AA) telah memulakan serangan sejak November lalu bagi merebut wilayah utara itu selain cuba merampas hab perdagangan penting di sempadan China.



- Negeri Rakhine juga merupakan kawasan penempatan bagi **etnik Rohingya** yang kini menjadi menjadi mangsa penindasan dan pembantaian tentera Junta Myanmar. Wilayah konflik ini turut menjadi **rebutan pelbagai pihak** kerana dikatakan kaya dengan sumber alam seperti minyak dan gas dianggarkan mampu bertahan hingga 30 tahun.
- Sementara itu, Menteri Dalam Negeri Bangladesh, Asaduzzaman Khan berkata sekurang-kurangnya 14 pengawal sempadan dari Rakhine yang bergolak memasuki wilayah negara itu untuk mencari perlindungan selepas diserang AA.
- Namun, stesen televisyen swasta Bangladesh, Channel 24 melaporkan bilangan sebenar pengawal berkenaan adalah lebih tinggi iaitu sekurang-kurangnya 66 orang termasuk 10 cedera terkena tembakan.

- Dalam perkembangan lain, Menteri Luar Bangladesh, Muhammad Hasan Mahmud, juga dikhabarkan akan membuat pertemuan dengan rakan sejawatnya dari India, Subrahmanyam Jaishankar bagi mengadakan perbincangan berhubung situasi di Myanmar dan kesannya terhadap kestabilan perdagangan serantau.
- Tentera Myanmar juga dilaporkan telah mengarahkan serangan udara dan pengeboman terhadap kumpulan bersenjata etnik minoriti di Pulau Ramree di Rakhine yang menempatkan projek pelabuhan laut dalam yang disokong pelaburan negara China bernilai bilion dolar.
- Pelabuhan yang dirancang berhampiran Kyaukphyu, kira-kira 50 kilometer dari pekan Ramree itu adalah pusat projek Koridor Ekonomi China-Myanmar (CMEC) dalam visi Jalur dan Jalan global China.
- **Pulau Ramree** juga dijangka akan menjadi pangkalan kepada pelabuhan laut dalam Myanmar, selain akan digunakan sebagai pintu masuk Beijing ke Lautan Hindi.
- Pertempuran dijangka akan terus berpanjangan apabila AA dilihat terus meningkatkan serangan dan menawan banyak kawasan di Rakhine. AA sudah bertahun-tahun berperang untuk mendapatkan autonomi penduduk etnik Rakhine berhampiran sempadan Bangladesh.

RUJUKAN

- https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2268868
- https://berita.rtm.gov.my/dunia/senarai-berita-dunia/senarai-artikel/pemberontak-myanmar-kuasai-bandar-utama-di-sempadan-china
- https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2024/02/1208717/sempadan-bangladesh-myanmar-kembali-panas
- https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2023/12/1191225/pertempuran-bertambah-sengit-di-negeri-rakhine-myanmar

Perkasakan Syarikat, Bukannya Tutup

- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menyatakan akan menutup 23 syarikat agensi di bawahnya yang **gagal menjana keuntungan** bagi memastikan pengurusan kewangan yang lebih baik.
- Beliau juga memaklumkan bahawa ada syarikat yang dibangunkan sekadar untuk memberikan elaun kepada golongan tertentu tanpa menjalankan fungsi sebenar penubuhan syarikat.



- Sesetengah rakyat mempersoalkan adakah benar syarikat ini tidak boleh menjana pendapatan ataupun ia serangan terpilih kepada sesetengah **syarikat Bumiputera**. Tanda tanya ini timbul berikutan menterinya tidak mendedahkan syarikat mana yang akan ditutup itu.
- Perlu diingat juga bahawa anak syarikat GLC di bawah KKDW adalah anak syarikat Bumiputera, di mana yang paling banyak mempunyai syarikat ialah FELCRA dengan 28 syarikat, MARA dengan 22 syarikat dan RISDA dengan 13 syarikat.
- Jika kita lihat sebelum ini Tabung Haji Plantations (THP) juga pernah mencatatkan kerugian, namun kerajaan pada ketika itu mengambil jalan tengah untuk mewujudkan Syarikat Bertujuan Khas (SPV) untuk memulihkan semula kewangan Lembaga Tabung Haji. Satu laporan RCI juga ditubuhkan bagi menyiasat semua dakwaan dan salah laku dalam Tabung Haji.

- Langkah yang sama juga boleh diambil bagi memastikan perkara ini tidak berulang dan mendapat penyelesaian yang lebih tuntas daripada kerajaan. Adapun syarikat yang mengalami kerugian itu boleh diselamatkan dengan kaedah percantuman ataupun *joint venture* (JV) dengan mana-mana syarikat untuk dihidupkan semula.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/kkdw-tutup-anak-syarikat-yang-tidak-untung-ahmad-zahid/
- https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2019/04/548658/fakta-spv-bangsa-cina-dan-tabung-haji
- https://www.rurallink.gov.my/senarai-anak-syarikat-di-bawah-kplb/

Selepas Vape, Kini Giliran Energy Stick

- Kementerian Kesihatan Malaysia dilaporkan akan mengambil tindakan terhadap penjualan satu peranti yang dikenali sebagai 'energy stick'. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata beliau telah mengarahkan Ketua Pengarah Kesihatan dan Timbalannya untuk mengambil tindakan sewajarnya.
- Ini susulan daripada kegusaran yang dinyatakan oleh sebuah kumpulan kesihatan awam, **Public Health Malaysia** yang mendedahkan penjualan energy stick semakin popular di kalangan pelajar sekolah.



- Energy stick atau penyedut hidung (nasal inhaler) ini dipromosikan sebagai produk untuk memberi **tenaga dan kesegaran** kepada pengguna. Ia bersaiz kecil, hanya sebesar pemetik api, berwarna-warni dan didatangkan dengan pelbagai perisa menarik pada harga serendah RM2.50. Ada penjual yang menggunakan tagline "Sedut dahulu, baru pergi ke sekolah" dalam tujuan promosi.

- Pengambilan produk ini sama seperti **pengambilan dadah** melalui hidung (snorting) dan secara psikologinya adalah sangat negatif kerana menggalakkan pengguna untuk mencuba bahan-bahan lain termasuk dadah.
- Daripada segi **perubatan**, pengambilan bahan kimia melalui hidung menyebabkan risiko kerosakan mukus di dalam rongga hidung, luka dan jangkitan. Alahan dan keracunan juga boleh berlaku kerana bahan yang digunakan tidak diketahui.
- Produk ini mula menjadi perhatian umum apabila digunakan oleh pelajar sekolah di China sekitar Oktober 2023.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan bekerjasama dengan KKM bagi membendung penularan produk ini. KPM juga menyeru ibu bapa dan guru memastikan anak-anak tidak terjebak dalam pengambilan bahan tersebut.
- Rentetan daripada keengganan Kerajaan untuk membendung tabiat merokok menerusi **RUU Kawalan Produk Merokok**, perundangan kita ketandusan mekanisme yang lebih komprehensif untuk membentuk generasi anak muda yang bebas asap rokok dan vape.
- Ini membuka pintu kepada kemasukan produk rokok dan kaedah pengambilan bahan terlarang yang sentiasa berinovasi bagi menarik pelanggan baharu.

RUJUKAN

- https://www.businessinsider.com/energy-stick-inhalers-china-freaking-out-school-kids-addictive-camphor-2023-11
- https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/04/health-ministry-to-take-action-on-039energy-stick039-inhalers-for-targetting-children
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpm-kkm-kerjasama-tangani-energy-stick-dalam-kalangan-pelajar-457073?

Pengambilan Graduan Asing Bekerja

- Cadangan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz untuk membenarkan **graduan asing** Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan bekerja sementara di Malaysia. Antara bidang yang terlibat adalah sektor teknologi tinggi bagi memenuhi permintaan pelabur asing dan industri.
- Beliau juga berkata pelajar asing turut **menyumbang kepada ekonomi** Malaysia yang dianggarkan berbelanja sebanyak RM7.3 billion setahun.
- MITI selama ini telah bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi serta pelbagai agensi lain bagi menambah bilangan pelajar dan pekerja mahir dalam bidang teknologi tinggi. Sebagai contoh, projek kerjasama pernah diadakan untuk meningkatkan kemahiran graduan tempatan seperti program latihan bersama industri.
- Pengambilan graduan asing membantu untuk menampung keperluan pelabur asing seperti pekerja mahir dalam industri elektrik dan elektronik. Pelabur asing memerlukan 50,000 jurutera tetapi IPT hanya mampu menghasilkan 5000 graduan setahun. Hal ini menimbulkan isu pengambilan masa yang **terlalu lama** untuk memenuhi permintaan industri.
- Sesetengah bidang sahaja yang akan diberi peluang kepada graduan asing untuk bekerja jika berlaku kekurangan pekerja mahir tempatan. Graduan tempatan yang sedia ada tidak semua mampu memenuhi syarat keperluan pelabur asing seperti keperluan graduan yang mahir dalam kecerdasan buatan ('Artificial Intelligence' – AI). Tambahan pula, masalah adaptasi tidak lagi menjadi isu kerana graduan asing ini sudah memahami **budaya kerja** orang Malaysia.

- Cadangan ini telah menimbulkan pelbagai reaksi rakyat yang mana ramai graduan tempatan yang masih lagi menganggur. Kebanyakan mereka terpaksa **keluar daripada bidang** bagi menampung keperluan harian mereka. Selain itu, pengaliran wang secara domestik juga menjadi kurang kerana pekerja asing akan mengirim wang kepada keluarga di kampung halaman. Pengukuhan nilai ringgit juga terganggu kerana pertumbuhan ekonomi yang perlahan akibat rakyat tempatan tidak mampu berbelanja.
- Kerajaan perlu **meneliti kembali cadangan** pengambilan graduan asing untuk bekerja di negara kita dengan menyediakan data dan statistik yang tepat supaya rakyat dapat memahami situasi ekonomi sebenar. Ramai jurutera tempatan meninggalkan bidang kejuruteraan kerana isu gaji yang tidak setimpal dengan beban kerja. Ada juga yang berhijrah ke luar negara kerana tawaran gaji yang tinggi selaras dengan pengalaman dan kepakaran mereka.
- Walaupun ia jalan penyelesaian sementara, siapa lagi yang akan membela nasib warganegara, jika peluang dibuka kepada warga asing. Situasi ini boleh membuka ruang kepada isu kebanjiran warga asing yang sudah menyusahkan rakyat.

RUJUKAN

- https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2268069
- https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/tengku-zafrul-perjelas-ambil-graduan-asing-bekerja-x8s68h4



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

© **Hak Cipta Terpelihara**